

← **Dr NKS Tharmaseelan**

Pakar Pediatrik dan Neonatal



bminggu@bh.com.my

BH 2/8/14 MSR



Denggi masalah global

Simptom Demam Denggi

Fasa demam

demam tiba-tiba

sakit kepala

berdarah mulut & hidung

sakit otot & sendi

muntah-muntah

radang kulit

cirit birit

Fasa kritikal

lelehan pleural

kecairan

pendarahan usus

Fasa Pemulihan

tahap kesedaran semakin baik

sawan

gatal-gatal

kadar degupan jantung perlahan

Demam denggi juga dikenali sebagai demam pecah tulang, adalah penyakit berjangkit tropika yang disebabkan oleh virus denggi. Insiden demam denggi meningkat secara mendadak sejak tahun 1960-an, dengan kira-kira 50 juta hingga 100 juta orang yang dijangkiti setiap tahun.

Penyakit ini menjadi satu masalah global sejak Perang Dunia Kedua dan merebak di lebih 110 negara di seluruh dunia, termasuk Malaysia.

Bagaimana mengetahui terkena jangkitan penyakit ini? Simptom yang paling biasa adalah demam, sakit kepala, sakit otot dan sendi dan ruam kulit hampir menyerupai campak.

Kebocoran plasma

Dalam sebahagian kecil daripada kes penyakit ini, demam denggi boleh menjadi demam denggi berdarah yang boleh mengancam nyawa kerana menyebabkan pendarahan.

Tahap platelet darah menjadi rendah dan berlaku kebocoran pada plasma darah atau berlaku sindrom renjatan denggi, yang mana tekanan darah rendah dalam tahap bahaya.

Kebiasaannya, 80 per-

» Penyakit serang manusia sejak Perang Dunia Kedua

diserang denggi tiada menunjukkan sebarang gejala dijangkiti virus denggi manakala selebihnya mengalami gejala ringan seperti demam.

Ada juga kes yang menunjukkan tanda penyakit yang lebih teruk (lima peratus) dan ada sebahagian kecil kes yang mengancam nyawa.

Tempoh pengesanan (masa antara pendedahan dengan bermulanya gejala demam denggi) di antara tiga hari hingga 14 hari, namun kebiasaannya di antara empat empat hingga tujuh hari.

Penyebaran denggi

Virus denggi terbesar melalui Aedes, jenis *A aegypti*. Serangga ini biasanya menggigit pada siang hari, terutama pada awal pagi dan pada waktu petang, namun nyamuk berkenaan mampu

menyebarkan jangkitan denggi pada bila-bila masa sepanjang tahun.

Aedes jenis lain yang menyebarkan penyakit denggi adalah jenis *A albo-pictus*, *A polynesiensis* dan *A scutellaris*. Manusia adalah perumah utama virus denggi, tetapi ia juga beredar kepada perumah bukan manusia seperti haiwan.

Jangkitan boleh diperoleh melalui gigitan tunggal nyamuk betina yang menghisap darah daripada orang yang dijangkiti demam denggi dalam tempoh dua hari hingga 10 hari. Kira-kira lapan hari hingga 10 hari selepas itu, virus berkenaan merebak ke tisu lain, termasuk kelenjar air liur nyamuk yang kemudiannya dilepaskan ke dalam air liurnya. Virus ini seolah-olah tidak mempunyai kesan menjejaskan ke atas nyamuk kerana serangga ini masih boleh hidup.

Selain itu, denggi juga boleh disebarkan melalui produk darah yang dijangkiti dan melalui pendermaan organ. Ia juga boleh disebarkan daripada ibu kepada anaknya ketika masih hamil atau ketika ibu melahirkan.

Namun, jangkitan akibat penyebaran daripada manusia kepada manusia lain (gigitan) jarang dilaporkan.


Biasanya penyakit ini suka menjangkiti bayi, kanak-kanak dan berbeza dengan jangkitan penyakit lain. Ia juga menyerang mereka yang berisiko tinggi terkena penyakit seperti pekerja seks, mempunyai berat badan berlebihan dan mereka yang mengalami banyak penyakit.

Simptom

Tanda dijangkiti denggi adalah demam secara tiba-tiba, sakit kepala (biasanya terletak di belakang mata), sakit otot dan sendi serta ruam.

Kanak-kanak yang dijangkiti sering mengalami gejala seperti selesema dan gastroenteritis (muntah dan cirit-birit) serta mempunyai risiko yang lebih besar mengalami komplikasi yang lebih teruk, walaupun tanda awal hanya mengalami demam ringan.

Penyakit ini membabitkan beberapa fasa iaitu fasa demam, kritikal dan pemulihan.



Fasa demam

Fasa demam membatikan demam yang tinggi, berpotensi lebih daripada 40 darjah Celsius. Pada peringkat ini, mangsa akan mengalami sakit badan dan sakit kepala; ini biasanya berlangsung selama dua hingga tujuh hari. Loya dan muntah juga boleh berlaku. Ruam berlaku pada 50 peratus hingga 80 peratus daripada mereka yang mempunyai tanda pada hari pertama atau mengalami gejala seperti kulit menjadi merah, atau kemudian menjadi ruam seakan campak.

Beberapa *petechiae* (bintik-bintik merah kecil yang tidak hilang apabila kulit ditekan, yang disebabkan kapilari darah pecah) boleh muncul pada ketika ini seperti pendarahan ringan dari membran mukus mulut dan hidung.

Fasa demam ini menyak-

sikan panas badan turun naik.

Fasa kritikal

Bagi sesetengah orang, penyakit ini terus masuk ke fasa kritikal, yang mana mereka mengalami demam teruk (biasanya berlangsung selama satu hingga dua hari). Semasa fasa ini mungkin berlaku pengumpulan cecair ketara dalam dada dan rongga perut disebabkan oleh peningkatan kebolehtelapan kapilari dan kebocoran.

Ini membawa kepada kekurangan cecair dalam badan dan mengurangkan bekalan darah ke organ penting. Pada fasa ini, kegagalan organ dan pendarahan yang teruk boleh berlaku.

Sindrom kejutan denggi dan pendarahan (demam denggi

Jentik-jentik


(Terdiri dari 4 instar)

berdarah) biasanya berlaku kurang daripada lima peratus daripada kes demam denggi yang dilaporkan.

Fasa pemulihan

Dalam fasa ini, penyerapan semula cecair yang bocor ke dalam aliran darah berlaku. Ini biasanya berlangsung selama dua hingga tiga hari. Keadaan ini sering disertai dengan rasa gatal yang teruk, namun kadar denyutan jantung masih perlahan. Beraku pengelupasan atau ruam pada kulit.

Pada peringkat ini, berlaku pertambahan beban cecair yang boleh memberi kesan kepada otak dan menyebabkan sawan. Rasa keletihan boleh dirasakan selama beberapa minggu oleh orang dewasa.



Banyak negara contohi Malaysia

Selain usaha mengawal pembiakan *Aedes* dan usaha membangunkan vaksin terhadap denggi, pelbagai pihak juga berusaha membangunkan ubat-ubatan antiviral yang akan digunakan untuk merawat serangan demam denggi dan mencegah komplikasi yang teruk.

Pada masa yang sama, Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), diiktiraf sebagai satu institusi yang terbaik di dunia dalam tempoh 40 tahun membuat kajian mengenai denggi. Banyak

pencapaian yang diperoleh dan paling berjaya dalam bidang rawatan, yang mana kaedah lebih berkesan berjaya dilaksanakan, malah ada pesakit yang hampir pulih sepenuhnya jika mereka dikesan menghidap denggi lebih awal.

Menyokong usaha berkenaan adalah penetapan garis panduan rawatan, yang bertambah baik sejak beberapa tahun kebelakangan ini, malah banyak negara sudah mengikut Garis Panduan Praktik Kementerian Kesihatan

Malaysia dalam menangani denggi.

Uji ubat antiviral

Penyelidik tempatan juga berjaya membangunkan vaksin yang selamat dan berkesan terhadap virus denggi. Pada masa ini, sebilangan besar vaksin denggi sedang diuji dalam ujian praklinikal dan klinikal untuk menguji keselamatan dan keberkesanannya. Dalam beberapa tahun akan datang, dijangkakan vaksin yang lebih selamat, ekonomik boleh didapati

secara komersial.

Saintis juga sedang menguji ubat antiviral untuk mengurangkan risiko penyakit denggi yang teruk. Apabila terapi antivirus selamat dibangunkan, urusan pentadbiran mereka yang dijangkiti denggi dan pesakit denggi lebih mudah diuruskan.

Banyak lagi yang perlu dilakukan oleh semua pihak dan tidak terhad kepada Kementerian Kesihatan semata-mata. Jadi marilah bersama-sama kita membanteras denggi.